

# Hadiah untuk Sabah, Sarawak sempena Hari Malaysia

## Komitmen PM Ke-10 penuhi harapan rakyat

Oleh Suzalina Halid dan Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Sebanyak 11 tuntutan di bawah rundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) berjaya diselesaikan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata tujuh tuntutan diselesaikan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik, penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas serta pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 bagi melantik wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai anggota tetap LHDN.

Fadillah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTP-MA63) berkata, penyelesaian itu turut merangkumi tuntutan berkaitan pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak, garis panduan khas penyerahan semula tanah dirizabkan bagi maksud Persekutuan di Sabah dan Sarawak.

"Komitmen di bawah Perdana Menteri Ke-10 menyaksikan lebih banyak perkara yang dapat diputuskan dalam tempoh dua tahun ini," katanya selepas menghadiri mesyuarat MTP-MA63 di sini, kelmarin.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Anwar itu turut dihadiri Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor serta Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Fadillah berkata, tiga tuntutan diselesaikan semasa Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjadi Perdana Menteri iaitu penyerahan kuasa ke atas pentadbiran Pulau



Anwar bersama Fadillah, Hajiji (dua dari kanan) dan Abang Johari (kiri) pada Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 di Kota Kinabalu, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Sabah.

Selain itu, pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan serta pemberian kuasa berkaitan pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, penyerahan kuasa kawal selia gas petroleum cecair (LPG) kepada Sarawak pula dilakukan semasa pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Fadillah berkata, Mesyuarat MTPMA63 penting bagi membolehkan kerajaan merencanak tindakan susulan yang pragmatik berhubung status tuntutan di bawah MA63 yang belum selesai.

### Hadiah paling besar

Sementara itu di Kuala Lumpur, usaha Kerajaan MADANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyelesaikan tujuh daripada 11 tuntutan dalam rundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dianggap sebagai hadiah paling berharga untuk rakyat Sabah dan Sarawak.

Perkembangan itu disifatkan lebih istimewa dan tepat pada masanya, apatah lagi Sabah dan Sarawak bakal menyambut Hari

Malaysia, Isnin ini.

Penganalisis politik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Romzi Ationg, berkata komitmen memuktamad MA63 itu penting kerana sudah lama diharapkan rakyat Sabah dan Sarawak.

"Kita boleh umpamakan tindakan Perdana Menteri cuba menyelesaikan isu MA63 secepat mungkin sebagai hadiah paling bermakna.

"Dengan adanya inisiatif di pihak kerajaan untuk memartabatkan MA63 ini, kelegaan sudah pasti tergambar pada wajah rakyat Sabah dan Sarawak.

"Nampaknya Kerajaan MADANI bersungguh untuk memartabatkan hal ini," katanya.

Kelmarin Perdana Menteri mengumumkan jumlah baharu pembayaran khas interim sebanyak RM600 juta melalui Mesyuarat MTPMA63.

Kementerian Pendidikan (KPM) pula bersetuju dengan 10 tuntutan dikemuka Kerajaan Sarawak dalam memperkukuh pendidikan wilayah itu.

KPM dalam kenyataan semalam berkata, tuntutan itu termasuk usaha untuk mengukuhkan pembabitan Kementerian Pendi-

dikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak serta kebenaran mengambil guru kontrak tertakluk kepada pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Selain itu, pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berdasarkan keperluan atau ketutamaan dan pembabitan dalam perancangan projek pembangunan pendidikan.

Katanya, KPM turut bersetuju memberi perwakilan kuasa melulus projek penyelenggaraan sekolah yang dibiayai oleh Kerajaan Sarawak atau pihak lain selain KPM kepada Pengarah Pendidikan Negeri, tertakluk kepada garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

"Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat (kelmarin) termasuk mengenai keperluan berunding dengan Pengarah Pendidikan Sarawak untuk melantik pegawai pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bagi mengisi kekosongan dan pemangkuan jawatan sebelum Menteri Pendidikan membuat kelulusan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996," katanya.